



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Jenayah siber ancam ekonomi
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 16 November 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 10

Jenayah siber ancam ekonomi

Sejumlah RM399 juta kerugian dilaporkan setakat September 2019

SHAH ALAM

Nilai kerugian sehingga ratusan juta ringgit membabitkan kes jenayah siber menjadi ancaman besar terhadap ekonomi Malaysia.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) IPK Selangor, Asisten Komisioner Fazlisyam Abd Majid berkata, sehingga September ini, sejumlah RM392 juta kerugian dialami mangsa jenayah siber melibatkan empat penipuan utama iaitu *love scam*, pinjaman tidak wujud, panggilan telefon dan pembelian dalam talian.

Menurutnya, jumlah itu adalah hasil laporan yang dibuat mangsa dan beliau percaya lebih banyak kerugian berlaku kerana terdapat banyak kes yang mungkin tidak dilaporkan.



Dari kiri: Dr Noor Nirwandy, Fazlisyam, Mergat Muazzam dan Dr Siti Norul Huda pada program di Shah Alam malam kelmarin.



“Penipuan Macau scam (panggilan telefon) yang turut membabitkan sindiket antarabangsa mencatatkan jumlah kerugian paling besar apabila sehingga September, sejumlah RM178 kerugian dilaporkan.

“Bagi e-dagang (pembelian dalam talian) sejumlah RM117 juta kerugian bagi tempoh sama. Manakala kes *love scam* dan pinjaman tak wujud masing-masing merekodkan

kerugian sebanyak RM62.9 juta dan RM34 juta.

“Jadi ke mana duit-duit ini pergi? Dalam keadaan ekonomi tidak menentu dan dengan ketirisan itu membuatkan ekonomi bertambah buruk,” katanya pada Wacana Sinar Siri 140 bertajuk Keselamatan Siber: Bagaimana Mempertahankan Diri di Dewan Karangkraf di sini kelmarin.

Wacana ini turut menampilkan Pengerusi Pusat Keselamatan Siber, Universiti Kebangsaan Ma-

Jenis penipuan dan kerugian:

- Love scam (RM62.9 juta)
- Pinjaman tidak wujud (RM34 juta)
- Panggilan telefon/Macau scam (RM178 juta)
- Melalui pembelian (RM117 juta)

laysia (UKM) Prof Madya Dr Siti Norul Huda Sheikh Abdullah dan Ketua Jabatan Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT), Cyber Security Malaysia, Megat Muazzam Abdul Mutalib.

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian PerangSaraf Media dan Informasi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Noor Nirwandy Mat Noor bertindak selaku moderator.

Sementara itu, Fazlisyam berkata, fenomena ‘keldai akaun’ membolehkan jenayah itu menjadi tempat pemindahan wang diberikan mangsa juga menyebabkan kegiatan jenayah siber masih berterusan.